

**KECENDERUNGAN PELAJAR INSTITUT LATIHAN JABATAN TENAGA  
MANUSIA DALAM MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN**

**PUSPAWATI BINTI PARNI**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

JAN 2013

## ABSTRAK

Bidang keusahawanan semakin penting dalam mewujudkan nilai tambah ekonomi negara. Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan. Kajian ini melibatkan seramai 317 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir di lima buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia, zon selatan. Kajian yang berbentuk kuantitatif deskriptif ini dilakukan secara tinjauan dengan menggunakan kaedah soal selidik. Soal selidik yang digunakan mengandungi 65 item yang berdasarkan persoalan kajian. Kebolehpercayaan soal selidik telah diuji menggunakan Alpha Cronbach dan memperolehi nilai 0.945. Data-data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Sosial Science (SPSS) For Windows Version 16.0*. Penganalisan dapatan kajian telah menggunakan frekuensi, min, sisihan piawai dan analisis korelasi Pearson dengan menetapkan aras  $\pm = 0.05$ . Dapatan kajian menunjukkan bahawa kecenderungan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan secara keseluruhannya berada di tahap tinggi. Data analisis menunjukkan ciri-ciri keusahawanan berada pada tahap skor min yang paling tinggi iaitu min=4.03 dan sisihan piawai=0.48. Diikuti, faktor motivasi keusahawanan iaitu min=3.90 dan sisihan piawai=0.55. Seterusnya, pengetahuan keusahawanan dan cabaran menunjukkan skor min tahap yang sederhana, di mana masing-masing min=3.66 (Sisihan piawai=0.61) dan min=3.31 (sisihan piawai=0.76). Hasil dapatan juga mendapat terdapat hubungan yang signifikan antara faktor motivasi dengan kecenderungan pelajar menceburi bidang keusahawanan dengan nilai,  $r=0.715$ . Walaubagaimanapun, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara cabaran keusahawanan dengan kecenderungan pelajar menceburi bidang keusahawanan. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa pelajar ILJTM ini secara keseluruhannya mempunyai kecenderungan dalam menceburi bidang keusahawanan.

## **ABSTRACT**

Entrepreneurship is increasingly important field in creating economic added value. Therefore, the main purpose of this study was to identify tendencies ILJTM students to become entrepreneurs. The study involved 317 respondents from the final year students in five Manpower Department Training Institute, the southern zone. Descriptive quantitative research study was conducted through a survey using the questionnaire. The questionnaire used consists of 65 items based on the research questions. Reliability of the questionnaire was tested using Cronbach Alpha and obtained the value of 0.945. The data that was collected was analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) for Windows Version 16.0. This study analysis findings has used the frequency, mean, standard deviation and Pearson correlation analysis by setting the level of  $\pm = 0.05$ . The results showed that students' tendency to involve in entrepreneurship as a whole is at a high level. Data analysis shows the characteristics of entrepreneurship is at the highest mean score, mean = 4.03 and standard deviation = 0.48. Followed, entrepreneurial motivation, mean = 3.90 and standard deviation = 0.55. Further, knowledge of entrepreneurship and challenges mean score average level, which respectively mean = 3.66 (standard deviation = 0.61) and mean = 3.31 (standard deviation = 0.76). The results also found a significant relationship between students' motivation to become an entrepreneur tendency to value,  $r = 0.715$ . However, there was no significant relationship between entrepreneurial challenges the tendency of students to become entrepreneurs. Based on the study conducted, it was found that students ILJTM whole has a tendency to involve in entrepreneurship.

## **KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI CARTA</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
 <b>BAB 1</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang masalah	4
1.3 Pernyataan masalah	7
1.4 Tujuan kajian	8
1.5 Objektif kajian	8
1.6 Persoalan kajian	9
1.7 Hipotesis kajian	9
1.8 Kepentingan kajian	10
1.9 Skop kajian	11
1.10 Kerangka teori kajian	12
1.11 Definisi istilah dan operational	13
 <b>BAB 2</b>	
<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>16</b>
2.1 Pengenalan	16
2.2 Model kajian	16

2.2.1 Teori Tingkah Laku Terancang	16
2.2.2 Model Pembangunan Usahawan	17
2.2.3 Model Asas Proses Keusahawanan	18
2.2.4 Teori dan model mengikut perspektif	19
2.2.4.1 Ahli ekonomi	19
2.2.4.2 Ahli sosiologi	20
2.2.4.3 Ahli psikologi	21
2.3 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)	22
2.4 Kajian-kajian lepas	23
2.4.1 Usahawan	23
2.4.2 Keusahawanan	24
2.4.3 Kecenderungan keusahawanan	25
2.4.4 Motivasi keusahawanan	26
2.4.5 Ciri-ciri keusahawanan	26
2.4.6 Pengetahuan dan pendidikan keusahawanan	27
2.4.7 Cabaran keusahawanan	29
2.5 Rumusan	30
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	<b>31</b>
3.1 Pengenalan	31
3.2 Reka bentuk kajian	31
3.3 Prosedur kajian	32
3.4 Lokasi kajian	34
3.5 Populasi dan sampel kajian	34
3.6 Instrumen kajian	35
3.7 Kesahan dan kebolehpercayaan	37
3.8 Kajian rintis	38
3.9 Kaedah pengumpulan data	39
3.10 Analisis data	40
3.11 Rumusan	41
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	<b>42</b>
4.1 Pengenalan	42

4.2	Analisa kajian	42
4.3	Analisis maklumat bahagian A	43
4.3.1	Taburan jantina responden kajian	43
4.3.2	Taburan umur responden kajian	43
4.3.3	Taburan responden kajian mengikut institusi latihan	44
4.4	Dapatan kajian analisis bahagian B	45
4.4.1	Analisis faktor motivasi	46
4.4.2	Analisis ciri-ciri keusahawanan	47
4.4.3	Analisis pengetahuan keusahawanan	49
4.4.4	Analisis cabaran keusahawanan	51
4.4.5	Hubungan antara faktor motivasi dengan kecenderungan keusahawanan	52
4.4.6	Hubungan antara cabaran dengan kecenderungan	53
4.5	Rumusan	54
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>56</b>
5.1	Ringkasan	56
5.2	Rumusan kajian	57
5.2.1	Rumusan analisis faktor demografi	57
5.2.2	Rumusan persoalan kajian	57
5.3	Perbincangan	59
5.3.1	Faktor demografi responden	59
5.3.2	Faktor motivasi yang mendorong kecenderungan dalam menceburi bidang keusahawanan	59
5.3.3	Faktor ciri-ciri keusahawanan yang mendorong kecenderungan dalam menceburi bidang keusahawanan	60
5.3.4	Faktor pengatahan yang mendorong kecenderungan dalam menceburi bidang keusahawanan	62
5.3.5	Faktor cabaran yang mendorong	

	Kecenderungan dalam menceburi bidang keusahawanan	63
5.3.6	Hubungan di antara faktor motivasi dengan kecenderungan keusahawanan	64
5.3.7	Hubungan di Antara Faktor Cabaran dengan Kecenderungan Keusahawanan	64
5.4	Model kecenderungan pelajar ILJTM Menceburi bidang keusahawanan	65
5.5	Cadangan	68
5.6	Cadangan kajian lanjutan	69
5.7	Kesimpulan	69
<b>RUJUKAN</b>	<b>71</b>	

## **SENARAI JADUAL**

1.1	Perangkaan utama tenaga buruh dan kadar pengangguran	5
3.1	Populasi dan Sampel Kajian	34
3.2	Jadual Penentuan Saiz Sampel Untuk Aktiviti Penyelidikan	35
3.3	Skala Likert	36
3.4	Kandungan Soal Selidik	37
3.5	Interpretasi Skor Alpha Cronbach	39
3.6	Analisa Dapatan Alpha Cronbach	39
3.7	Pemilihan Kaedah Analisa Data Berdasarkan Persoalan Kajian	40
4.1	Taburan Jantina Responden Kajian	43
4.2	Taburan Umur Responden Kajian	44
4.3	Taburan Responden Kajian Mengikut Institusi Latihan	44
4.4	Jadual Tafsiran Min	45
4.5	Darjah Hubungan Pekali Korelasi Pearson	46
4.6	Frekuensi, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Motivasi Yang Mendorong Kenderungan Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan	46
4.7	Frekuensi, Min dan Sisihan Piawai Bagi Ciri Keusahawanan Yang Mendorong Kenderungan Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan	48
4.8	Frekuensi, Min dan Sisihan Piawai Bagi Pengetahuan Yang Mendorong Kenderungan Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan	49
4.9	Frekuensi, Min dan Sisihan Piawai Bagi Cabaran Yang Mendorong Kenderungan Pelajar Dalam Bidang Keusahawanan	51
4.10	Keputusan Analisis Ujian Korelasi Pearson (Hubungan antara Motivasi dengan kecenderungan)	53
4.11	Keputusan Analisis Ujian Korelasi Pearson (Hubungan antara Motivasi dengan kecenderungan)	54

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka konsep Kajian	12
2.1	Teori Tingkah Laku Terancang	17
2.2	Model Pembangunan Usahawan	18
2.3	Model Asas Proses Keusahawanan	19
3.1	Kerangka Operasi	33
5.1	Model Kecenderungan Dalam Menceburi Bidang Keusahawanan	66

**SENARAI CARTA**

1.1	Peratus Tahap ' <i>Employability</i> ' Graduan ADTEC Melaka	6
-----	---	---

## **SENARAI SINGKATAN**

ADTEC	-	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DPN	-	Dasar Pembangunan Negara
IKS	-	Industri Kecil Sederhana
ILJTM	-	Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia
ILP	-	Institut Latihan Perindustrian
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
JMTi	-	Institut Teknikal Jepun Malaysia
JTM	-	Jabatan Tenaga Manusia
JTR	-	Jabatan Tenaga Rakyat
KKTM	-	Kolej Kemahiran Tinggi Mara
MECD	-	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MPPB	-	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
PUNB	-	Penubuhan Usahawan Nasional Berhad
RMK-10	-	Rancangan Malaysia Kesepuluh
SPSS	-	<i>Statistical Package for Scirnce Social</i>

**SENARAI LAMPIRAN**

A	Carta Gantt	75
B	Borang Soal Selidik	77
C	Data Analisis Alpha Cronbach	85
D	Analisis Demografik	116
E	Analisis Skor Min & Sisihan Piawai	120
F	Analisis Korelasi Pearson	145
G	Borang Semakan Soal Selidik	148
H	Borang Kebenaran Kajian	155

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) bagi tahun 2011 hingga 2015 telah dilancarkan pada 10 Jun 2010 oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia. Intipati RMK-10 ini sangat penting bagi menjayakan matlamat Malaysia untuk menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Salah satu bidang keberhasilan utama yang telah ditetapkan oleh kerajaan dalam RMK-10 adalah Pengukuhan Keupayaan dan Pembudayaan Keusahawanan. Sehubungan dengan itu, antara inisiatif strategi yang telah dikenal pasti dalam bidang ini adalah menambah baik program pembangunan kemahiran dan keusahawanan serta pembiayaan melalui pelbagai agensi pembangunan bumiputera. Pakej secara bersepadu akan dilaksanakan bagi meningkatkan daya saing dan daya maju Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), termasuk latihan keusahawanan, bantuan teknikal, pembiayaan, khidmat rundingan serta promosi dan 32 pemasaran. Bagi meningkatkan akses kepada kemudahan pembiayaan, sebanyak RM1.5 bilion atau separuh daripada tambahan dana Skim Jaminan Modal Kerja sebanyak RM3.0 billion, akan diperuntukkan kepada usahawan Bumiputera. (Bernama, 2010)

Inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan ini menunjukkan bidang keusahawanan dan peranan usahawan di dalam kemajuan dan perkembangan ekonomi sesuatu bangsa dan negara itu tidak dapat dinafikan. Bagi sesebuah negara, kewujudan usahawan dan perniagaan merupakan elemen kritikal, khususnya di dalam ekonomi yang mana usahawan menyumbang dari segi menambah nilai ekonomi, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan kekayaan negara dan merangsang pembangunan dan pertumbuhan di dalam segala bidang. Menurut Ramin *et al.*(2007), bidang keusahawanan semakin penting kerana ianya berperanan

melengkapi dan mengujudkan nilai tambah kepada komoditi ekonomi sedia ada untuk mengujudkan permintaan baru dan seterusnya menjana perkembangan ekonomi negara.

Keusahawanan dilihat sebagai bidang strategik yang sentiasa menjadi perhatian dan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Bagi negara kita bidang keusahawanan telah mula bertapak sejak bermulanya aktiviti perdagangan dengan menggunakan sistem barter. Kegiatan ekonomi ini terus dipelopori sebagai aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan sehingga berkembang kepada perdagangan antarabangsa (Buang, 2002; Shukor, 2003; Makbul & Harun, 2003). Selepas itu, British di Tanah Melayu mewujudkan prinsip ‘pecah dan perintah’ yang menyebabkan kaum Melayu menjadi pentadbir dan petani, kaum Cina bekerja di lombong dan berniaga, manakala kaum India bekerja di sektor perladangan.

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, bidang keusahawanan terus menjadi perhatian di mana bermulalah pelbagai dasar-dasar pembangunan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) (1991-2000) dan Wawasan 2020 (1991-2020). DEB (1971-1990) merupakan dasar sosioekonomi yang dirancang oleh kerajaan bagi mencapai matlamat perpaduan negara melalui dua strategi utama iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. (Chiew *et al.*, 2011). Program membasmi kemiskinan yang dilancarkan oleh kerajaan ini bukan hanya bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan bahkan secara tidak langsung dapat menambah bilangan usahawan Melayu. Seperti kata pepatah, usaha ini tidak ubah seperti “sekali berkayuh dua tiga pulau terlangsung” (Rosli, 2002). Seterusnya, Pada 28 Februari 1991, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah dilancarkan bagi meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang keusahawanan. Di samping itu, kerajaan juga menunjukkan galakan terhadap pembangunan keusahawanan dengan memberikan pengiktirafan kepada usahawan yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Seterusnya, menurut Ahmad (2004), pelbagai langkah turut diperkenalkan kerajaan untuk menggalakkan keusahawanan, terutama kepada Bumiputera. Antaranya ialah Penubuhan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) pada 1991 yang bertujuan membangunkan usahawan Bumiputera. Penekanan oleh kerajaan terhadap pembangunan usahawan secara umum menjadi lebih ketara dengan pembentukan Kementerian Pembangunan Usahawan pada tahun 1995 yang berperanan sebagai badan yang mengawal dan mempromosikan pembangunan keusahawanan di

Malaysia. Kini, kementerian tersebut telah ditukar kepada Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi. Menurut Makbul (2003), peningkatan bilangan usahawan antara tahun 1995 hingga 2000 disebabkan oleh pelbagai faktor dan paling utama kerana wujudnya pelbagai bentuk sokongan dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD).

Berdasarkan komitmen dan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan, bidang keusahawanan ini mempunyai potensi yang tinggi untuk diceburi oleh para pelajar khususnya pelajar-pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Bidang kemahiran yang mereka pelajari mempunyai nilai komersial yang tinggi. Ia bukan sahaja memberi manfaat yang besar kepada individu tetapi pendapatannya menyumbang kepada pembangunan negara. Peranan keusahawanan bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan negara dari segi ekonomi khususnya bahkan ia juga melibatkan kepada struktur perniagaan dan masyarakat. (Idris, 2010).

ILJTM singkatan bagi Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia adalah sebuah institusi latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia. Penubuhan institut ini adalah bertujuan melahirkan tenaga mahir negara dari peringkat sijil latihan hingga Diploma Lanjutan dalam pelbagai bidang kursus kemahiran. Oleh yang demikian, ILJTM menyediakan dan melaksanakan program latihan kemahiran pra-pekerjaan bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian negara. ILJTM terdiri daripada dua puluh satu (21) buah Institut Latihan Perindustrian (ILP), empat (4) buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan sebuah Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTi). ILP menawarkan program peringkat Sijil, sementara ADTEC dan JMTi menawarkan program peringkat Diploma. Objektif utama ILJTM adalah untuk melahirkan tenaga manusia yang optimum melalui program latihan kemahiran perindustrian. (<http://www.jtm.gov.my>). Selain daripada bekerja di industri, graduan ILJTM juga mempunyai potensi yang besar untuk membina kerjaya masa depan dengan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Kemahiran yang dipelajari oleh mereka mempunyai nilai komersial yang tinggi untuk bersaing dalam arena keusahawanan.

Oleh yang demikian, transformasi minda harus dilakukan terutama di kalangan pelajar ILJTM tentang keperluan untuk melihat keusahawanan sebagai satu kerjaya yang penting selaras dengan tuntutan era globalisasi kini. Jika kerjaya itu dilakukan

secara serius, maka banyak hikmah yang dapat melonjakkan seseorang itu untuk bergelar usahawan sehingga mampu membina karisma yang dikagumi di mata dunia.

## **1.2 Latar belakang masalah**

Menurut Yusof (2003), keusahawanan merupakan satu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Daripada aktiviti keusahawanan yang dijalankan akan membolehkan kita menentukan dan mengetahui tahap-tahap kemajuan yang telah dicapai oleh sesuatu masyarakat dan negara.

Kini, bidang keusahawanan bukan lagi merupakan sesuatu yang asing dalam kalangan mahasiswa di institut pengajian tinggi jika dibandingkan dengan mahasiswa-mahasiswa pada tahun 60-an dan 70-an dahulu. Namun begitu, kita tidak boleh mengharapkan minat dalam kalangan masyarakat terhadap bidang ini datang dengan sendirinya tetapi ianya perlulah disertakan dengan dorongan dan sokongan sebagai perangsang dan juga pembakar semangat untuk terus maju dan berjaya dalam bidang ini. Menurut Yusof (2001), menyatakan pengetahuan keusahawanan dan kemahiran berkaitan perlu sebelum menceburi sesuatu bidang keusahawanan. Menurut Makbul (2003) pula, sebelum memulakan perniagaan, usahawan perlu melihat dan menilai beberapa perkara seperti keadaan persekitaran, mengetahui undang-undang dan peraturan kerajaan yang berkaitan di samping pengetahuan berkaitan masyarakat.

Selain itu, bidang keusahawanan dilihat dapat membantu dalam mengatasi masalah pengangguran di negara kita. Secara umumnya, pelajar di negara kita bertuah kerana pelbagai kemudahan dan peruntukan disediakan untuk mereka melanjutkan pelajaran. Tidak hairanlah sekiranya semakin ramai pelajar-pelajar mendapat tempat dalam institusi pengajian tinggi sama ada awam atau swasta. Saban tahun negara kita dikejutkan dengan isu kegagalan belia terutama golongan siswazah untuk mendapatkan pekerjaan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, Setiap tahun kira-kira 90,000 mahasiswa tamat pengajian di universiti dengan 70,000 orang daripada mereka berjaya mendapat kerja enam bulan selepas itu. Bagaimanapun, 20,000 orang lagi masih belum mendapat kerja selepas tempoh sama disebabkan kekurangan skil komunikasi dan tiada

keyakinan (<http://www.utusan.com.my>). Bilangan graduan yang tidak mendapat pekerjaan ini secara tidak langsung menyumbang kepada kadar pengangguran di negara kita.


Oleh yang demikian, Jadual 1.1 menunjukkan statistik perangkaan utama tenaga buruh dan peratusan kadar pengangguran sepanjang tempoh tahun 2007 hingga Februari 2012.

**Jadual 1.1 : Perangkaan utama tenaga buruh dan kadar pengangguran – sumber Jabatan Perangkaan Malaysia (2012)**

Tempoh	Tenaga Buruh ('000)	Bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Luar Tenaga Buruh ('000)	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (%)	Kadar Pengangguran (%)
2007	10,889.5	10,538.1	351.4	6,330.1	63.2	3.2
2008	11,028.1	10,659.6	368.5	6,575.7	62.6	3.3
2009	11,315.3	10,897.3	418.0	6,665.7	62.9	3.7
2010	12,172.6	11,776.8	395.8	7,035.7	63.4	3.3
2011	12,505.8	12,123.0	382.9	6,990.4	64.1	3.1
Feb 2012	12,735.1	12,440.3	402.2	7,018.3	64.5	3.2

Berdasarkan kepada jadual 1.1 menunjukkan pada tahun 2012 kadar pengangguran di negara adalah sebanyak 3.2 %. Data ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.1% jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Perkara ini menunjukkan masalah pengangguran masih membekalkan negara kita walaupun pelbagai program telah direncanakan oleh kerajaan khususnya bagi menangani isu ini.

Masalah ini turut dirasai oleh pelajar-pelajar di ILJTM. Carta 1.1 dibawah menunjukkan data peratusan berkenaan graduan ADTEC Melaka tahun 2010 yang sudah bekerja, belum bekerja dan melanjutkan pengajian.



Carta 1.1: Peratus Tahap '*Employability*' Graduan ADTEC Melaka – sumber Jabatan Tenaga Manusia, ADTEC Melaka.

Berdasarkan carta 1.1, dapat dilihat 39.09% daripada 57.27% graduan ADTEC, Melaka pada tahun 2010 tidak memperolehi bekerjaan. Ini menunjukkan kadar graduan menganggur turut disumbangkan oleh graduan ILJTM walaupun ramai dikalangan mereka yang bekerja makan gaji atau menyambung pelajaran keperingkat yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, pemilihan pekerjaan tidak seharusnya dibataskan pada pekerjaan di sektor awam atau di sektor swasta semata-mata. Bidang keusahawanan dilihat sebagai bidang yang berpotensi untuk membuka ruang kejayaan bagi pelajar yang sudah tamat pengajian. Ini termasuklah pelajar-pelajar yang menamatkan pengajian di ILJTM.

Bidang keusahawanan dikenalpasti mampu untuk membuka ruang dan peluang kepada pelajar untuk menerokai dan mengaplikasikan sendiri kemahiran yang dipelajari. Program pengajian seperti teknologi kimpalan, teknologi automotif, teknologi komputer, teknologi komunikasi, teknologi elektronik dan lain-lain mempunyai nilai komersial yang tinggi sekiranya dapat dimanipulatifkan dalam dunia keusahawanan. Sebahagian besar daripada golongan mereka meragui kemampuan sendiri untuk maju di bidang keusahawanan, walaupun mereka tahu bahawa kerajaan telah membentuk berbagai dasar serta menyediakan berbagai-bagai kemudahan untuk membantu dan berkembang maju di bidang keusahawanan. (Yusof, 2001).

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan, namun sehingga kini bilangan masyarakat yang menceburi bidang keusahawanan masih berkurangan. Ini mungkin disebabkan terdapat faktor kurangnya motivasi untuk menjalankan

perniagaan. Ia berkemungkinan disebabkan oleh timbulnya banyak cerita mengenai kegagalan usahawan dalam bidang perniagaan. Rodriguez (2000), mendapati terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi seseorang itu cenderung untuk menjadi usahawan iaitu atribusi psikologi seperti komitmen, sifat daya saing, penilaian dan keupayaan mengambil risiko, pengaruh persekitaran dan faktor-faktor lain seperti latar belakang keluarga, sosio-budaya, kemahiran mengurus dan menggunakan teknik pemasaran, kemudahan pinjaman, subsidi kerajaan dan hubungan rangkaian perniagaan.

Justeru, kajian ini dilaksanakan dalam kalangan pelajar ILJTM bagi melihat kecenderungan mereka dalam menceburi bidang keusahawanan. Pelajar merupakan golongan yang diharapkan dapat mencorak negara pada masa hadapan. Mereka mempunyai pelbagai kepakaran daripada segi ilmu pengetahuan yang dipelajari di peringkat tinggi dan ilmu tersebut sangat berguna jika dapat disalurkan ke arah yang betul dan boleh dimanfaatkan oleh generasi lain. Galakan perlu diberikan kepada pelajar untuk menuju ke arah keusahawanan yang berjaya.

### **1.3 Pernyataan masalah**

Berdasarkan kajian literatur mendapati bidang keusahawanan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan menjadi nadi utama dalam ekonomi negara (Yusof 2003; Ramin *et al.*,2007; Mahmood *et al.*,2010). Oleh yang demikian pelajar perlu membuka minda untuk berani mencabar diri dengan membina kerjaya masa depan dengan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan ini. Tanggapan bahawa memilih bidang pendidikan teknik dan vokasional hanya boleh memberi peluang kepada mereka untuk bekerja di industri sahaja perlu dihapuskan kerana sebenarnya bidang teknik dan vokasional ini mampu membangunkan seorang usahawan yang berjaya. Kemahiran yang mereka perolehi, terutama pelajar-pelajar ILJTM, sebenarnya mempunyai nilai yang tinggi dalam dunia keusahawanan sekiranya dapat digunakan secara berkesan. Masih ramai di kalangan graduan yang tidak berani untuk menceburi bidang keusahawanan. Alasannya, mereka takut kepada kegagalan, tiada motivasi untuk berjaya dan kurang pengetahuan berkenaan bidang keusahawanan. Elemen motivasi, pengetahuan keusahawanan dan ciri-ciri keusahawanan memainkan peranan yang penting untuk diterapkan dalam diri pelajar

bagi menghasilkan graduan yang berjaya dalam bidang keusahawanan. Berdasarkan faktor-faktor ini menarik minat pengkaji untuk membuat satu kajian yang bertajuk kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan. Tambahan pula, kajian berkenaan isu terhadap pelajar aliran teknik dan vokasional dalam bidang bidang keusahawanan sangat sedikit. Selain itu, bidang keusahawanan merupakan satu indikator yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah pengangguran negara.

#### **1.4 Tujuan kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kecenderungan pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) terhadap bidang keusahawanan di zon selatan.

#### **1.5 Objektif kajian**

Kajian ini mempunyai empat objektif utama iaitu:

- i. Mengenalpasti faktor motivasi keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan.
- ii. Mengenalpasti ciri-ciri keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan.
- iii. Mengenalpasti pengetahuan keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan.
- iv. Mengenalpasti cabaran keusahawanan yang dihadapi oleh pelajar ILJTM untuk menceburi bidang keusahawanan
- v. Mengenalpasti hubungan di antara faktor motivasi keusahawanan dengan kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan.
- vi. Mengenalpasti hubungan di antara cabaran dengan kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan.

## **1.6 Persoalan kajian**

Kajian ini dilakukan adalah untuk meninjau persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah faktor motivasi keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan?
- ii. Apakah ciri-ciri keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan?
- iii. Apakah pengetahuan keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan?
- iv. Apakah cabaran keusahawanan yang perlu dihadapi oleh pelajar ILJTM untuk menceburi bidang keusahawanan?
- v. Adakah terdapat hubungan di antara Faktor motivasi keusahawanan dengan kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan?
- vi. Adakah terdapat hubungan di antara cabaran keusahawanan dengan kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan?

## **1.7 Hipotesis kajian**

Berdasarkan persoalan kajian yang dibina, hipotesis nul yang akan dikaji adalah seperti berikut:

$H_0$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi keusahawanan dengan kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan.

$H_0$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara cabaran keusahawanan dengan kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan.

## 1.8 Kepentingan kajian

Kajian yang dilaksanakan ini diharap dapat memberi manfaat serta kebaikan kepada para pelajar, ibu bapa, tenaga pengajar dan pihak institusi pendidikan.

### i. Pelajar

Melalui kajian yang dijalankan ini, ia akan menjadi salah satu sumber yang dapat memberi kesedaran kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Di samping itu data yang akan diperolehi nanti dapat membantu mereka menilai potensi diri sendiri sebelum melibatkan diri dalam dunia keusahawanan. Para pelajar perlu mengambil peluang yang ada untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan memandangkan bidang ini penting dalam industri Malaysia kini. Ia bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar tetapi pendapatannya turut menyumbang kepada pembangunan Negara.

Selain itu, kajian ini juga dapat membantu membuka minda pelajar bahawa pengkhususan dan kepakaran yang diperolehi dalam sesuatu bidang semasa pengajian kadangkala tidak dapat menjamin seseorang itu untuk mendapat kerjaya yang diimpikan. Ia juga dapat memberi kesedaran kepada pelajar bahawa bidang kemahiran yang mereka pelajari mempunyai nilai keusahawanan yang tinggi untuk dikomersialkan. Dengan ini, ia akan mendorong minat pelajar dalam bidang yang menguntungkan ini dan dapat menerapkan ciri-ciri keusahawanan dalam diri mereka.

### i. Ibu bapa

Kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang betapa pentingnya peranan dan keperihatinan mereka terhadap potensi dan kecenderungan anak-anak mereka dalam bidang keusahawanan. Secara tidak langsung, mereka dapat membantu usaha kerajaan untuk melahirkan usahawan pelapis seiring dengan matlamat kerajaan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Berdasarkan dapatan kajian itu nanti ibu bapa boleh terus memberi perangsang dan dorongan kepada anak mereka kerana ia merupakan motivasi untuk memupuk minat yang berterusan ke arah menjadi usahawan supaya dapat direalisasikan

## ii. Tenaga pengajar

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu tenaga pengajar dan pihak pengurusan untuk melahirkan pelajar yang berkualiti tinggi dan berdaya saing. Para tenaga pelajar boleh menerapkan elemen-elemen keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana melalui pendekatan ini ia secara tidak langsung dapat memupuk motivasi kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Minat perlu dipupuk dengan dorongan dan sokongan sebagai perangsang kerana minat tidak lahir secara semulajadi tetapi datang dengan sendirinya melalui rangsangan yang diterima. Selain itu, ia membantu tenaga pengajar melihat potensi pelajar mereka dalam bidang keusahawanan ini.

## iii. Institusi pendidikan

Data serta input yang diperolehi daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pihak institusi pendidikan yang berkenaan untuk merangka program dan seminar yang berkaitan dengan keusahawanan kepada pelajar. Perkara ini dapat menambahkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka dalam bidang keusahawanan ini. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pihak institusi untuk merangka kurikulum yang bersesuaian sekiranya kurikulum keusahawanan yang sedia ada kurang berkesan untuk diaplikasikan kepada pelajar.

### 1.9 Skop kajian


Bagi memastikan kajian yang dijalankan berpandukan matlamat dan objektif yang telah ditetapkan, beberapa aspek kajian telah dikenal pasti. Kajian ini memfokuskan kepada kecenderungan pelajar di ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan. Aspek yang hendak dikaji adalah faktor motivasi keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan dan cabaran keusahawanan yang mendorong pelajar ILJTM cenderung dalam menceburi bidang keusahawanan.

Selain itu, kajian ini hanya melibatkan pelajar tahun akhir di ILJTM zon selatan sahaja iaitu Pusat Latihan Tekologi Tinggi (ADTEC) di Johor dan Melaka,

manakala Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Muar, Johor dan Pasir Gudang, Johor serta Selandar, Melaka.

### 1.10 Kerangka teori kajian

Kerangka teori kajian yang telah dirangka untuk menjalankan kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Kerangka ini merangkumi aliran responden untuk menceburi bidang keusahawanan dan bergelar usahawan.



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian (Ubahsuai daripada Teori Tingkah Laku Terancang, Ajzen (1991); Model Pembangunan Usahawan , Edward (1991); Richard Cantillon (1998) ; Leibenstein (1995) .

Berdasarkan Rajah 1.1, pelajar ILJTM merupakan responden yang dikaji. Pemboleh ubah tidak bersandar telah dikenalpasti iaitu motivasi keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan, pengetahuan keusahawanan dan cabaran keusahawanan. Oleh yang demikian pengkaji menggunakan pemboleh ubah tidak bersandar ini untuk mengenalpasti kecenderungan pelajar ILJTM dalam menceburi bidang keusahawanan.

### **1.11 Definisi istilah dan operasional**

Definisi operasional ialah definisi yang digunakan oleh penyelidik untuk menjelaskan responden, pembolehubah yang hendak dikaji atau dimanipulasi dalam kajian. Berikut disenaraikan definisi operasional terhadap beberapa perkara penting untuk memudahkan pembaca memahami maksud perkataan yang digunakan dalam kajian ini.

#### **i. Kecenderungan**

Menurut Mohd Salleh *et al.*, (2005), kecenderungan boleh mengarahkan imaginasi seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat yang positif dan negatif. Apabila seseorang individu tidak mempunyai idea yang jelas tentang kecenderungannya, maka kemahanan dan imaginasinya akan menghala ke arah yang berlawanan. Kecenderungan keusahawanan digambarkan sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi individu untuk meneruskan sesuatu hasil keusahawanan (Hisrich, Peters dan Shephard, 2008) dalam Idris (2009).

Dalam kajian ini, pengkaji mendefinisikan kecenderungan sebagai satu sifat dalaman yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu bagi memenuhi minatnya dalam bidang berkenaan.

#### **ii. Pelajar**

Pelajar merujuk kepada pelatih, penuntut atau orang sedang belajar. Mengikut tafsiran penyelidik, pelajar ialah individu atau kelompok individu yang sedang

mengikuti sesuatu program pengajian berbentuk kemahiran ataupun akademik dalam tempoh yang tertentu di sekolah atau institusi pengajian yang tertentu.

Dalam kajian ini, pelajar merujuk pelajar-pelajar tahun akhir di ADTEC dan ILP di bawah ILJTM.

### **iii. Keusahawanan**

Menurut Yusof (2003), keusahawanan dilihat sebagai satu proses pembangunan yang dilalui oleh seseorang, memberi penekanan secara kreatif dalam mengolah sumber firma dan sentiasa memastikan bahawa kegiatan mereka mampu meningkatkan kesejahteraan kepada pelbagai pihak untuk jangka masa pendek dan panjang.

Menurut Van Aardt et al. (2008) dalam Chiew *et al.*, (2011), keusahawanan merupakan satu tindakan permulaan, mencipta, membina dan memperluaskan satu perusahaan atau organisasi, mewujudkan satu pasukan usahawan serta mengumpul sumber-sumber untuk mencari peluang dalam pasaran jangka panjang.

Dalam konteks kajian ini, keusahawanan merujuk kepada usaha berterusan oleh individu atau sekumpulan individu yang membentuk organisasi untuk menjalankan proses mewujudkan barang atau perkhidmatan baru di mana ianya dilakukan secara sistematik dengan menggunakan sumber secara optimum untuk memenuhi permintaan mengujudkan permintaan baru.

### **iv. Usahawan**

Menurut Hisrich et al. (2010) dalam Chiew *et al.*, (2011), usahawan adalah seorang yang berinisiatif untuk mengumpulkan sumber-sumber secara inovatif dan sanggup untuk mengambil risiko atau berani bertindak dalam keadaan ketidakpastian. Definisi ini menekankan empat aspek sebagai seorang usahawan iaitu melibatkan proses penciptaan sesuatu yang baru dan bernilai, menyumbang masa dan usaha, ganjaran kepada usahawan dan mengambil risiko.

Dengan itu, pengkaji menterjemahkan usahawan dalam kajian ini sebagai seseorang yang menjalankan sesuatu perniagaan dengan usahanya sendiri dan mempunyai ciri-ciri seorang yang kreatif, berani mengambil risiko, berinovatif,

sanggup mengambil risiko, bijak mencari peluang dan sentiasa ingin memajukan perniagaannya.

#### v. **Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)**

Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) ditubuhkan bertujuan menyediakan dan melaksanakan program latihan kemahiran pra-pekerjaan bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian negara. ILJTM terdiri daripada dua puluh satu (21) buah Institut Latihan Perindustrian (ILP), empat (4) buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan sebuah Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTi). ILP menawarkan program peringkat sijil dan diploma, sementara ADTEC dan JMTi menawarkan program peringkat diploma. Objektif utama ILJTM adalah untuk melahirkan tenaga manusia yang optimum melalui program latihan kemahiran perindustrian.

Dalam kajian ini, pusat latihan dibawah ILJTM yang dilibatkan ialah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) di zon selatan yang terdiri ADTEC Batu Pahat dan Melaka, manakala ILP Muar, Johor dan Pasir Gudang, Johor serta Selandar, Melaka.

Secara keseluruhan, istilah dan ungkapan yang digunakan adalah berdasarkan kepada makna dan tafsiran yang dibuat oleh beberapa orang penulis dan penyelidik. Selain itu, ia juga telah disesuaikan dengan konteks kajian yang telah dilakukan.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Untuk pemahaman lebih lanjut, bab dua ini membincangkan pendekatan dan dapatan yang diperolehi daripada kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan. Dalam kajian literatur ini, pengkaji membuat rujukan ke atas jurnal, buku ilmiah, atrikel dari lawan sesawang dan thesis yang mengandungi matlumat, idea dan data yang berkenaan dengan tajuk kecenderungan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan. Kesemua maklumat dan kajian-kajian lepas telah diringkaskan untuk memberi kefahaman dan gambaran yang bertujuan untuk menguatkan hujah-hujah berkaitan dengan tajuk yang hendak dikaji.

#### **2.2 Model kajian**


Model kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah:-

##### **2.2.1 Teori Tingkah Laku Terancang**

Teori tingkah laku terancang merupakan teori yang telah digunakan secara meluas dalam meramalkan tingkah laku seseorang itu terhadap sesuatu perlakuan. Menurut Ajzen (1991), teori tingkah laku terancang melihat kecenderungan sebagai percubaan untuk melaksanakan sesuatu kelakuan yang dirancang kepada keadaan yang sebenar. Kecenderungan itu dianggap sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi kelakuan, di mana ia menunjukkan bagaimana seseorang itu bersedia untuk mencuba berdasarkan usaha mereka dalam merealisasikan sesuatu tingkah laku itu. Ia juga

menerangkan dan meramalkan bagaimana persekitaran budaya dan sosial memberi kesan kepada kelakuan manusia.


Azjen (1991) telah mengaitkan kecenderungan individu sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi kelakuan, di mana sebarang keputusan itu bergantung kepada tiga elemen utama iaitu sikap terhadap kelakuan (nilai peribadi) yang merujuk kepada tahap sokongan terhadap sesuatu kelakuan; norma subjektif (tekanan sosial yang dirasai sama ada akan melakukan sesuatu atau tidak) dan tanggapan kawalan tingkah laku iaitu dengan melihat sejauh mana individu itu berupaya untuk mengawal tingkah laku.



Rajah 2.1: Teori tingkah laku terancang yang diutarakan oleh Ajzen (1991)

### 2.2.2 Model Pembangunan Usahawan


Edward (1991) dalam Osman (2007), telah membangunkan model usahawan teknikal hasil daripada kajian yang telah dilakukannya. Faktor pertama yang mempengaruhi individu untuk menjadi usahawan teknologi ialah latar belakang keluarga. Seterusnya ialah aspek orientasi matlamat, personaliti dan motivasi. Sementara itu, aspek perkembangan akademik dan umur juga menjadi salah satu faktor di samping pengalaman pengalaman yang diperolehi semasa bekerja di syarikat terdahulu. Model pembangunan usahawan dapat dilihat melalui rajah 2.2.



Rajah 2.2 : Model Pembangunan Usahawan – Sumber Edward (1991) dalam Mohd. Hassan (2007).

### 2.2.3 Model Asas Proses Keusahawanan

Model asas dalam proses keusahawanan yang dibangunkan oleh Barringer & Ireland (2006), mempunyai empat langkah utama. Berdasarkan rajah 2.3, model menunjukkan, anak panah dua hala antara keputusan untuk menjadi usahawan dan membangunkan idea perniagaan yang berjaya menunjukkan bahawa kadang kala peluang untuk membangunkan idea menyebabkan seseorang mengambil keputusan untuk menjadi usahawan. Menurut Barringer & Ireland (2006), tiga faktor utama yang mendorong seseorang individu membuat keputusan untuk menjadi usahawan ialah untuk menjadi bos, untuk meneruskan idea mereka dan untuk mencapai imbuhan kewangan.



Rajah 2.3: Model Asas Proses Kusahawanan - Sumber : Barringer & Ireland (2006), *Entrepreneurship: Successfully Launching New Ventures*. Prentice Hall, New Jersey.

#### **2.2.4 Teori dan model keusahawanan mengikut perspektif**

Terdapat tiga (3) teori dan model keusahawanan mengikut perspektif ahli ekonomi, sosiologi dan psikologi.

##### **2.2.4.1 Keusahawanan mengikut ahli ekonomi**

Richard Cantillon (1998) dalam Khamsah *et al.*(2008), telah melihat usahawan sebagai individu yang bersedia untuk memikul risiko dan amat berbeza daripada mereka yang hanya menawarkan modal dengan mengharapkan pulangan tetap. Usahawan juga dilihat sebagai berbeza daripada kapitalis yang menawarkan modal tetapi pada masa yang sama mengeksplot pihak yang menggunakan modal mereka. Sebaliknya, Cantillon melihat usahawan sebagai agen yang membeli alat-alat pengeluaran bagi menghasilkan produk yang dapat dipasarkan. Walau bagaimanapun, semasa membuat pembelian, usahawan tidak pasti akan harga yang bakal diterimanya di mana terdapat unsur-unsur risiko dan juga spekulasi. Segala-galanya bergantung kepada kebolehan yang dimiliki oleh usahawan.

Leibenstein (1995) dalam Khamsah *et al.*(2008), pula berpendapat bahawa usahawan mempunyai ciri yang istimewa. Usahawan berkeupayaan untuk mengisi ruang, mereka berkeupayaan untuk mengenal pasti kegagalan sesuatu pasaran dan selanjutnya membentuk barang dan proses baharu mengikut kehendak pengguna semasa yang masih belum lagi berada dalam pasaran. Hal ini bermakna usahawan berkeupayaan untuk menyumbang pasaran yang berbeza dan mampu mengatasi kegagalan ataupun kekurangan sesuatu pasaran. Selanjutnya usahawan juga berkemampuan untuk menggabungkan pelbagai input bagi membentuk inovasi baharu bagi memuaskan permintaan pasaran yang belum dipenuhi.

#### **2.2.4.2 Keusahawanan dari perspektif ahli sosiologi**

Gibbs (1972) dalam Khamsah *et al.* (2008), merupakan tokoh akademik yang mengemukakan model keusahawanan yang dipanggil model pembangunan sosial. Model ini menyatakan bahawa proses yang dilalui serta perhubungan sosial yang dilakukan oleh seseorang memaksa diri mereka untuk melakukan perubahan dengan mengambil keputusan untuk melakukan perubahan dengan mengambil keputusan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Langkah yang diambil akan memberi kesan yang berbeza pada individu yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan kerana ia bergantung kepada kesungguhan, personaliti dan persiapan yang dilakukan sebelum menceburji bidang ini. Konsep yang dibawakan oleh Gibbs dalam pendekatan keusahawanan dalam bentuk interaksi di antara individu-individu yang bercadang untuk bermula dengan alam perniagaan yang sebenar. Berbanding dengan konsep sosialisasi yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun yang mengambil pendekatan sosio-geografi di mana pertemuan individu-individu dengan kemahiran yang dibawa akan melahirkan satu “bandar” atau “city-state”. Ibn Khaldun melihat pembangunan masyarakat sebagai suatu proses pembentukan yang melihat keusahawanan sebagai salah satu cara hidup segolongan daripada ahli dalam masyarakat “city-state” tersebut.

#### **2.2.4.3 Keusahawanan dari perspektif ahli psikologi**

Terdapat tiga teori dan model utama dari perspektif psikologi iaitu Model Baka, Teori Keperluan Kepada Pencapaian dan Model Psikodimanik.

##### **i. Model Baka**

Ahli-ahli psikologi menyifatkan golongan “usaha wan” mempunyai identiti tersendiri yang dapat membezakan di antara usahawan dengan bukan usahawan. Usahawan perlu memiliki kawalan diri atau “*locus of control*” secara mendalam untuk membolehkan mereka bertindak cergas secara berdikari. Antara sifat-sifat yang perlu dimiliki adalah inisiatif, keupayaan merancang, mengambil risiko, kecekalan dan kesediaan untuk mengambil peluang.

##### **ii. Teori Keperluan Kepada Pencapaian**

Mengikut McClelland (1961) dalam Mahmood *et al.*, (2010), individu-individu yang mempunyai kehendak pencapaian yang tinggi merupakan golongan yang lebih suka mengambil tanggungjawab ke arah mencapai sesuatu matlamat dengan usaha sendiri. Beliau telah berjaya mempelopori kajian ilmu keusahawanan dengan teori kehendak pada pencapaiannya. Model ini telah diuji di India dan menjadi bahan rujukan bagi negara-negara dunia ketiga yang cuba mencari penyelesaian masalah sosio-ekonomi melalui keusahawanan.

##### **iii. Model Psikodinamik**

Model ini telah diperkenalkan oleh De Vries dalam Zakaria *et al.*,(2008) yang menyatakan bahawa usahawan merupakan individu yang semasa kecilnya tidak berpeluang untuk mendapat kemudahan-kemudahan tertentu dan hal ini menyebabkan mereka berada dalam keadaan yang tertekan. Hal ini mendorong usahawan untuk memberontak dengan mencari satu alternatif bagi mengubah kehidupan mereka. Bagi golongan ini keusahawanan merupakan bidang yang penting untuk mengubah kehidupan mereka pada masa hadapan agar lebih terjamin.

### **2.3 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)**

Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) adalah sebuah institut latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia. Dahulunya dikenali sebagai Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) telah ditubuhkan pada tahun 1967. Pertukaran nama berkenaan adalah disebabkan oleh fungsinya yang difokuskan kepada aktiviti program latihan kemahiran sahaja. Pertukaran nama ini berlaku pada awal tahun 2000. Di awal penubuhan JTR, ia berfungsi sebagai pusat melatih tenaga mahir untuk pasaran industri tempatan, mengumpul maklumat buruh, dan menempatkan pencari-pencari pekerjaan di sektor swasta. Manakala fungsi JTM telah berkembang ketika ini iaitu telah dan akan melahirkan tenaga mahir negara dari peringkat sijil latihan hingga diploma lanjutan dalam pelbagai bidang kursus kemahiran.

JTM telah menubuhkan beberapa institusi latihan di seluruh Negara. Di bawah ILJTM yang terdiri daripada Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTi), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP). Penubuhan ILJTM adalah bertujuan bertujuan menyediakan dan melaksanakan program latihan kemahiran pra-pekerjaan bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian negara. ILJTM menawarkan program sepenuh masa dan program jangka pendek kepada pelajarnya.

Antara program-program yang ditawarkan ialah Diploma Komputer Rangkaian, Diploma Elektronik, Diploma Mekatronik, Diploma Kimpalan, Diploma Pembuatan dan Diploma Pengeluaran di ADTEC. Bagi JMTi pula kursus yang disediakan ialah Diploma Teknologi Kejuruteraan Elektronik, Diploma Teknologi Kejuruteraan Komputer, Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekatronik dan Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembuatan. Manakala program-program yang ditawarkan di ILP ialah Sijil Teknologi Mekanik Industri, Sijil Teknologi Pemesinan Am, Sijil Teknologi Pemesinan CNC, Sijil Teknologi Kimpalan Arka dan Gas, Sijil Teknologi Automotif, Sijil Teknologi Kejuruteraan Jaminan Kualiti, Sijil Teknologi Elektrik, Sijil Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara, Sijil Teknologi Elektronik Industri, Sijil Teknologi Percetakan, Sijil Teknologi Komputer (Sistem), Sijil Penjaga Jentera Elektrik Voltan Rendah AO (2T), Diploma Teknologi Automotif, Diploma Teknologi Elektrik Kuasa dan Diploma Teknologi Komputer (Sistem).

## 2.4 Kajian-Kajian Lepas

Kajian-kajian lepas mengenai kajian pengkaji ialah:-

### 2.4.1 Usahawan

Istilah usahawan dalam Bahasa Inggeris ialah *entrepreneur* yang berasal dari Bahasa Perancis *entreprendre* yang bermaksud memikul tugas atau mencuba (Richard, 1775 dalam Chiew, 2011). Manakala dalam bahasa Melayu, istilah usahawan sebenarnya berasal daripada perkataan “usaha”. Menurut Kamus Dewan, usaha ialah daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan, perbuatan dan lain-lain hal untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu pekerjaan ( Yusof, 2001).

Menurut Hisrich *et al.*, (2010), usahawan adalah seorang yang berinisiatif untuk mengumpulkan sumber-sumber secara inovatif dan sanggup untuk mengambil risiko atau berani bertindak dalam keadaan ketidakpastian. Ia menekankan empat aspek sebagai seorang usahawan iaitu melibatkan proses penciptaan sesuatu yang baru dan bernilai, menyumbang masa dan usaha, ganjaran kepada usahawan dan mengambil risiko. Ramai yang beranggapan usahawan dan peniaga mempunyai maksud yang sama. Namun begitu, kedua-dua istilah ini membawa konsep dan sinonim berbeza. Usahawan lebih kepada seseorang yang bermatlamatkan kepuasan diri sendiri dalam meneraju peluang perniagaan berbanding dengan keuntungan. Sebaliknya, seorang peniaga lebih memfokus kepada pencapaian keuntungan yang maksimum dalam perniagaan. Secara ringkasnya, usahawan merupakan seseorang yang memulakan dan mengusahakan sesebuah perniagaan dengan idea kreatif dan inovatif bagi tujuan mendapat ganjaran dari segi kewangan dan kepuasan hati.

Manakala menurut Ahmad *et al.*, (2007), secara umumnya usahawan boleh ditakrifkan sebagai individu yang menjalankan perniagaan dengan usahanya sendiri, berfikiran secara kreatif dan menginovasi peluang yang ada untuk memajukan perniagaannya. Ini bermaksud mereka adalah individu yang berkeyakinan tinggi, berani mengambil risiko, kreatif, berfikiran positif dan sentiasa berwaspada ke atas peluang perniagaan ketika orang lain tidak menyadarinya. Tindakan yang diambil adalah secara imaginatif dan pertimbangan yang rasional.

## 2.4.2 Keusahawanan

Menurut Makbul dan Palil (2003), keusahawanan ialah proses penciptaan sesebuah organisasi. Keusahawanan merupakan keseluruhan sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu bahkan cekap untuk mencari, mengenal dan merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi dan usaha-usaha perniagaan untuk faedah ekonomi dan perdagangan (Barjoyai, 2000).

Bagi Yusof (2001), keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara. Selain daripada itu, keusahawanan merupakan aktiviti yang dapat menggerakkan dan merangsang kejayaan serta peningkatan di dalam pembangunan ekonomi. Daripada aktiviti keusahawanan yang dijalankan akan membolehkan kita menentukan dan mengetahui tahap-tahap kemajuan yang telah dicapai oleh sesuatu masyarakat dan negara.

Hisrich *et al.*, (2010) dalam Chiew *et al.*, (2011), menyatakan keusahawanan adalah satu proses penciptaan sesuatu yang baru dengan penambahan nilai yang memerlukan usaha dan masa serta mengambil kira faktor kewangan, psikik dan risiko sosial serta menghadapi ketidakpastian, dan seterusnya menerima pulangan dalam bentuk kewangan dan kepuasan peribadi. Kuratko dan Hodgetts (2004) dalam Chiew *et al.*, (2011) pula, mentakrifkan keusahawanan sebagai satu proses inovasi dan penciptaan perniagaan baru melalui empat dimensi iaitu individu, organisasi, persekitaran dan proses jaringan kerjasama (kerajaan, pendidikan dan institut-institut berkaitan).

Timmon (1994) dalam Buang (2002) pula, mendapati bahawa keusahawanan merupakan satu tindakan kemanusiaan yang kreatif dalam membina sesuatu yang bernilai dan mengejar peluang-peluang tanpa menghiraukan kewujudan sumber atau sebaliknya. Ia memerlukan wawasan, keghairahan dan komitmen untuk memimpin orang lain untuk mencapai wawasan di samping menanggung risiko-risiko yang mungkin berlaku. Definisi ini disokong oleh Coulter (2000) dalam Mahmood *et al.*, (2010) yang menyatakan keusahawan sebagai satu proses di mana individu atau sekumpulan individu menggunakan usaha-usaha dan perantara untuk mencari peluang mencipta nilai dan pertumbuhan melalui memenuhi keperluan dan kehendak. Ianya perlu melalui inovasi dan keunikan tidak kira apa juar sumber

## RUJUKAN

- Abdul, M. *et. al.*, (2008). *Pembudayaan Keusahawanan*. Pentice Hall.
- Ahmad, M. N. (2004). *Nota Niaga: Integriti Kriteria Utama Jadi Usahawan Terbilang*. Berita Harian: 21 Jun 2004.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211).
- Ariff, F. M., Hussin, H. & Zahari, S. C. M. (2002). *Kajian Kecenderungan Mahasiswa Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (SHT) Terhadap Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda.
- Bardai. B. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Bernama (2010). *Intipati Rancangan Malaysia ke-10*. Malaysiakini.  
Dicapai pada Mei 28, 2012 daripada:  
<http://www.malaysiakini.com/news/134130>
- Buang, N. A. (2002). *Asas keusahawanan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Chua, Y. P (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chiew, T.M, Tam, Y.L, Taha, M. (2011). Asas Keusahawanan. Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Hamed, A. B. (2006). *Keusahawanan dan & Pengurusan Perniagaan Kecil*. Sintok: Penerbit universiti utara malaysia.
- Henderson, R. & Robertson, M. (2000). *Who wants to be an entrepreneur? Young adult attitudes to entrepreneurship as a career*. Career Development International, 5 (6), 279-287.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: McGrawHill Sdn. Bhd.
- Idris, S. H. M. (2009). *Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Bidang Kejuruteraan Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Kawasan Utara Semenanjung Malaysia*. Universiti Utara Malaysia: Projek Sarjana.

- Jones, M (May, 2002). "Entrepreneurship And The Characteristics Of The Entrepreneurial Personality". International Journal Of Entrepreneurial Behavior And Research. 6 (6). 295-310.
- Khamsah, M. F. & Zakaria, M. (2008). *Langkah Bijak Usahawan Terbilang*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Konting, M. M. (2004). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Keenam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krejcie, R.V.,& Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.
- Laporan Kaji Selidik Pengesahan Graduan (Tracer Study) ADTEC Melaka Seisi 2/2009 dan Sesi 1/2010. (2011). Bahagian CESS, Jabatan Tenaga Manusia, ADTEC Melaka.
- Linan, F., Urbano, D., & Guerrero, M. (2007). Regional Variations in Entrepreneurial Cognitions: Start-up Intentions of University Students in Spain. *Paper presented at the Babson Conference*, Madrid, 2007.
- Mahmood, R. et al.,(2010). *Prinsip-Prinsip Keusahawanan :Pendekatan Gunaan Edisi Kedua*. Cengage Learning Asia Pte Ltd.
- Malek, A. N (2001). *Usahawan Sebagai Satu Kerjaya*. Usahawan Malaysia: Jan-Feb 2001.
- Makbul, Z. M. & Harun, F. M. (2003). *Menjadi Usahawan: Panduan Menubuhkan Dan Menguruskan Perusahaan Secara Profesional*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Makbul, Z. M., Palil & M. R., Domil, A. K. A (2003). *Mengurus Perniagaan*. Pahang: PTS Publications.
- Mutalif, S. A. A (2003). *Mengenal Pasti Tahap Motivasi Dan Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Semester Akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal:Satu Tinjauan Di KUITTHO*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana
- Noor, M. & Rahim, A.N (2011). *Kecenderungan Pelajar-Pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) Johor Bahru Terhadap Bidang Keusahawanan*.Fakulti Pendidikan , Universiti Teknologi Malaysia.
- Osman, M. H. (2007). *Faktor-faktor Yang Telah Mendorong Graduan Alumni UTM Menceburi Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda.

- Perangkaan Utama Tenaga Buruh, Malaysia (2012). Sumber Statistik Rasmi Malaysia. Laman Web Rasmi, Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Dicapai pada Mei 28, 2012 daripada:
- [http://www.statistics.gov.my/portal/download\\_emsl/files/7.0\\_EMPLOYMENT/pdf/7.1.pdf](http://www.statistics.gov.my/portal/download_emsl/files/7.0_EMPLOYMENT/pdf/7.1.pdf)
- Ramachandra, R. (2003). *The Big Jump Into Entrepreneurship*. Singapore: Horizon.
- Ramli, M (2004). *Kecenderungan Pelatih Institut Latihan Perindustrian dalam Menceburi Bidang Keusahawanan*. KUiTTHO: Projek Sarjana
- Ramin, A. K., Ahmad, A. R., & Ahmad, K. (2008). *Perniagaan & Keusahawanan*. Jabatan Pengurusan Dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. UTHM.
- Rodriguez, Lena T (2000). *The Wind beneath Their Wing: The Modirating Effects Of Social Support On The Entrepreneur And Entrepreneurial Performance Outcome*. (Unpublished Doctoral Dissertation, Graduate College At The University Of Nebraska) Ann Arbor, UMI Digital dissertations.
- Sekaran,U. (2003). Research Methods For Business: A Skill Building Approach. Fourth Edition. United States of America: John Wiley and Sons, Inc.
- Sudar, K. (2003). *Satu Tinjauan Terhadap Pengetahuan Pengurusan Kewangan Dalam Bidang Keusahawanan Bagi Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Projek Sarjana.
- Teresa V Menzies, Joseph C Paradi (2002). *Encouraging Technology-Based Ventures: Entrepreneurship Education And Engineering Graduates*. New England Journal of Entrepreneurship Fall 2002. Vol. 5, Iss. 2; pg. 57, 8 pg.
- Utusan Malaysia *Pengangguran di Malaysia antara paling rendah* . 18 Mei 2008.
- Dicapai pada Mei 28, 2012 daripada:
- [http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0921&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_20.htm](http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0921&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_20.htm)
- Yusof, A. A. (2000). *Usahawan dan Keusahawanan: Satu Penilaian*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Yusof, A. A. (2003). *Prinsip Keusahawanan*. Selangor: Prentice Hall Pearson.

- Yusof, S. M. (2001) *Keusahawanan Sebagai Satu Kerjaya: Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Kejuruteraan Awam KUiTTHO*. Institut Teknologi Tun Hussein Onn. Universiti Teknologi Malaysia
- Wiersma, W (1995). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*.USA.